



مجلس بنداراي قتاليج جايا
MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

PETALING JAYA PINTAR, MAMPAN, BERDAYATAHAN 2030 @PJSSR 2030

Tajuk Projek :

KOMUNITI LESTARI (SUSTAINABLE COMMUNITY)



Nama Kumpulan :


PaSIT (Planning Smart Innovation Team)

Bidang Inovasi :

Sosial

Kategori Inovasi :

Penambahbaikan



PENGENALAN KUMPULAN

SUSTAINABLE COMMUNITY





ISI KANDUNGAN

SUSTAINABLE COMMUNITY

Pengenalan	02
Ringkasan Eksekutif	04
Borang Penyertaan	05
Abstrak	06
Menyingkap Isu-Isu Komuniti	08
Konsep Dan Pendekatan Inovatif Yang Diambil	09
Inisiatif Pembentukan Komuniti Lestari	10
Komuniti Pilihan	11
 Persatuan Penduduk Sri Damansara	
<i>Pengenalan</i>	12
<i>Isu Terdahulu</i>	13
<i>Pelan Tindakan</i>	14
<i>Pencapaian & Pengiktirafan</i>	15
<i>Penjimatan Kos</i>	16
<i>Impak Program</i>	17
 Persatuan Penduduk SS20 Zon Sentral	
<i>Pengenalan</i>	18
<i>Isu Terdahulu</i>	19
<i>Pelan Tindakan</i>	20
<i>Pencapaian & Pengiktirafan</i>	21
<i>Penjimatan Kos</i>	22
<i>Impak Program</i>	23
 Persatuan Penduduk Blok 3, Desa Mentari	
<i>Pengenalan</i>	24
<i>Isu Terdahulu</i>	25
<i>Pelan Tindakan</i>	26
<i>Pencapaian & Pengiktirafan</i>	27
<i>Penjimatan Kos</i>	28
<i>Impak Program</i>	29
 Anugerah Dan Pengiktirafan	30
Penutup	31

RINGKASAN EKSEKUTIF

SUSTAINABLE COMMUNITY

Agenda pembangunan mampan di Petaling Jaya bermula pada tahun 2000 apabila Majlis dipilih sebagai satu daripada 4 Pihak Berkuasa Tempatan di Malaysia bagi pelaksanaan Local Agenda 21. Sebanyak 3 Pelan Tindakan telah disediakan meliputi Alam Sekitar, Integrasi Sosial dan Keselamatan.

Pada tahun 2012, bersama-sama dengan 'stakeholders', blueprint pembangunan mampan dikenali sebagai PJ Sustainable 2030 telah disediakan. Pelan ini mengandungi 5 Halatuju utama iaitu Alam Sekitar, Ekonomi, Budaya dan Komuniti, Habitat Berdayahuni dan Urustadbir Baik.

Selaras dengan pelaksanaan Projek PJ Smart City, halatuju pembangunan mampan ditetapkan melalui perancangan yang baru dikenali sebagai "Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030".



Petaling Jaya akan dirancang menjadi sebuah bandaraya "A Next Generation City" yang 'inclusive', terhubung, 'collaborative', berekologi, sihat, dinamik dan berteknologi digital dan menjadi bandaraya 'resilient' yang berkebolehan menguruskan kemampuannya bagi mendepani gangguan dan kejutan terhadap alam sekitar, komuniti dan ekonomi.

Jabatan Perancangan Pembangunan merupakan salah satu cabang perkhidmatan Majlis dan berfungsi bagi merancang, menyelaras, melaksana dan memantau program-program kesejahteraan Bandar ke arah mewujudkan persekitaran bandar raya yang mampan dan berdaya huni selaras dengan wawasan Rangka Kerja Pelan Pembangunan Mampan 'Sustainable Petaling Jaya 2030'.

Kumpulan PaSIT (Planning Smart Innovation Team) telah ditubuhkan pada 27 Januari 2021 bagi menambahbaik program komuniti semenjak pelaksanaannya pada tahun 2001. Kumpulan ini dimasukkan dalam bidang inovasi Sosial dan kategori Penambahbaikan. Nama projek bagi kumpulan kami adalah Komuniti Lestari (Sustainable Community).

BORANG PENYERTAAN

SUSTAINABLE COMMUNITY


No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2022

LATAR BELAKANG KUMPULAN	
Nama Kumpulan	PaSIT (Planning Smart Innovation Team)
Nama Organisasi	Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Alamat	Tingkat 2, Ibu Pejabat MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya
No Telefon & Faks	Faks: 03-79588392 Tel: 03- 79541445
E - Mel	nazihah@mbpj.gov.my
Tarikh kumpulan ditubuhkan	
Bilangan ahli	10 orang
Nama Ketua Kumpulan	Pn. Nazihah Binti Jaafar
Nama Ahli	1. Norhafizah Bt Lamak 2. Mohd Izham Haniff Bin Ismaal 3. Ariffah Bt Azmi 4. Nor Helina Bt Mohd Helmi 5. Muhammad Rozainie Izzuan Bin Abdul Aziz 6. Muhammad Nabil Bin Jamaluddin 7. Hanisha Syahirah Bt Ibrahim 8. Muhammad Rizan Bin Zainal Abidin 9. Nekmat Bin Mohd Yusof.
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	TPr.Zain Azly Bin Abdul Rahman
Nama projek	PJ SUSTAINABLE COMMUNITY AWARD
Bidang inovasi	Sosial
Kategori inovasi	Penambahbaikan
Tarikh mula projek	27.1.2021
Tarikh siap projek	30.12.2021



ABSTRAK

SUSTAINABLE COMMUNITY

“Untuk mengurangkan jumlah pelepasan karbon (carbon footprint) kepada tahap yang paling minimum, yang dapat merendahkan kadar pencemaran, melalui penggunaan ruang tanah yang cekap, kompos hasil bahan terpakai, kitar semula atau menukar sisa kepada tenaga ; dan menjadikan keseluruhan ekosistem bandar yang berupaya mengekang penjanaan elemen negatif kepada perubahan iklim”

1

EKONOMI

2

KOMUNITI

3

ALAM SEKITAR



ABSTRAK

SUSTAINABLE COMMUNITY


KOMUNITI LESTARI

KITAR SEMULA

KEBERSIHAN

KESELAMATAN


KESIHATAN



MENYINGKAP ISU-ISU KOMUNITI

SUSTAINABLE COMMUNITY

1. Penjagaan kebersihan awam sehingga terdapat kes perkhidmatan lori pengangkutan pembuangan sampah tidak meliputi semua kawasan.
2. Masalah vandalisme terhadap kemudahan harta awam. Keadaan ini merumitkan persekitaran komuniti hingga masyarakat hidup dalam keadaan tidak selesa apabila berlaku kerosakan dan kecurian harta benda seperti paip, wayar elektrik, pili bomba dan kawasan rehat awam.
3. Masalah komuniti kurang memberi kerjasama terhadap permasalahan setempat.
4. Komuniti kurang semangat sukarelawan dan kurang terlibat dalam aktiviti bersama komuniti setempat
5. Masalah kesesakan tempat letak kereta di kawasan perumahan padat.
6. Isu keselamatan merupakan antara tiga isu tertinggi disuarakan oleh penduduk Petaling Jaya sewaktu Bengkel Livaeble City pada tahun 2012. Ianya disokong oleh data daripada Pihak Polis di mana Petaling Jaya mencatatkan kadar kes jenayah tertinggi di Selangor.
7. Pengurusan sisa pepejal sebanyak 243,751.31 tan pada tahun 2019 dan mencatatkan kos sebanyak 8,627,340.87 juta.
8. Kekurangan kawasan lapang dan pokok, penggunaan sumber tenaga yang tinggi dan isu pengurusan sisa pepejal menyumbang kepada pencemaran.



KONSEP DAN PENDEKATAN INOVATIF YANG DIAMBIL

SUSTAINABLE COMMUNITY

Pihak MBPJ melalui Jabatan Perancangan Pembangunannya telah melaksanakan program-program pembentukan komuniti mampan sejak dua dekad yang lepas. Antara lain usaha ini bertujuan untuk membentuk masyarakat yang dapat memenuhi ciri-ciri sebuah bandar mampan (Sustainable City) yang menerapkan beberapa elemen-elemen khusus ke arah pencapaiannya. Penglibatan MBPJ dalam mencapai Visi dan Objektif Bandar Mampan ini telah pun terbukti dan menerima pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan kebangsaan.

Pembentukan Komuniti Mampan yang dibentangkan dalam penyertaan KIK peringkat Negeri Selangor ini merupakan sebuah program inovasi yang telah dijalankan secara holistik yang melibatkan transformasi manusia dan perubahan ke atas minda dan sikap yang akhirnya diterjemahkan ke dalam bentuk tindakan mereka. MBPJ telah banyak mengadakan 'public engagement' dalam mendidik, membimbing, menyebar luas dan seterusnya menjayakan program-program yang dirancang bersama masyarakat mengikut zon-zon kependudukan mereka.

Program-program yang mencetuskan perubahan tersebut telah dipelopori oleh Jabatan Perancangan Pembangunan MBPJ melalui inisiatif-inisiatif yang tersusun sepertimana yang dibentang dengan jelas dalam laporan ini. Ianya melibatkan 3 komuniti yang dipilih sebagai kes contoh bermula dengan isu-isu setempat, iltizam kepada perubahan, program yang terlaksana diikuti oleh bukti hasil kejayaan yang diperolehi.

INISIATIF PEMBENTUKAN KOMUNITI LESTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY

1. Smart City - Satu cara baru atau kaedah baru dalam menggunakan ICT & Teknologi untuk meningkatkan Kualiti Hidup, Pertumbuhan Ekonomi & Kemampanan Bandar.

Konsep Smart City ini tumbuh berdasarkan pergerakan Bandar Mampan dan mampu untuk transform bandar ke arah yang lebih baikyumbang kepada pencemaran.

2. Menyediakan pusat pengkomposan sisa makanan menggunakan teknologi anaerobic digester.
3. Memberi sejumlah 50% rebat cukai taksiran kepada pemilik rumah yang menjalankan pengkomposan (25%) dan kitar semula (25%) melalui Skim Rebat Cukai Taksiran Kepada Rumah Mesra Alam Petaling Jaya.
4. Memberi tong kompos percuma kepada pemilik rumah yang berminat untuk melakukan perkomposan.
5. Membeli minyak masak terpakai daripada makanan yang efisien serta dapat mencapai SDG12 penduduk/peniaga (RM 0.80/kg)





KOMUNITI PILIHAN

SUSTAINABLE COMMUNITY

1

PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA

KEBUN KEJIRANAN, SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPA), KITAR SEMULA 3R DAN PENGKOMPOSAN SISA

2

PERSATUAN PENDUDUK SSS20 ZON SENTRAL

KEBUN KEJIRANAN, SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPA), KITAR SEMULA 3R DAN PENGKOMPOSAN SISA

3

PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

KEBUN KEJIRANAN, SISTEM PENGUMPULAN DAN PENGGUNAAN SEMULA AIR HUJAN (SPA), KITAR SEMULA 3R DAN PENGKOMPOSAN SISA

PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA

SUSTAINABLE COMMUNITY

1


PENGENALAN

Persatuan Penduduk Bandar Sri Damansara Kuala Lumpur ditubuhkan pada tahun 1996 dengan 15 ribu buah rumah serta lebih kurang 60 ribu orang penduduk.

Terletak di Persiaran Margosa Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur dan telah menerima pelbagai anugerah 'Sustainable Community' sebelum ini.



SRINITI - BSDRA COMMUNITY GARDEN



PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA

SUSTAINABLE COMMUNITY

2

ISU TERDAHULU

- Penghasilan sampah domestik yang tinggi dari penduduk Bandar Sri Damansara.
- Kemampuan penduduk untuk melaksanakan program guna semula dalam skala yang besar dan memerlukan kos yang tinggi.



PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA

SUSTAINABLE COMMUNITY

3

PELAN TINDAKAN

- Pusat Kitar semula ini dikendalikan oleh sukarelawan yang terdiri dari kalangan penduduk Bandar Sri Damansara sendiri. Pengumpulan dan pengasingan sisa dijalankan di sini terlebih dahulu sebelum dihantar untuk dikitar semula.
- Di pusat kitar semula ini, para sukarelawan saling berkongsi pendapat tentang faedah dan kaedah terbaik melaksanakan 5R (refuse, reduce, reuse, repair and recycle) dengan komuniti setempat Bandar Sri Damansara.
- Aktiviti dan statistik berkenaan sisa yang terkumpul di pusat kitar semula ini turut dihebahkan kepada seluruh komuniti Bandar Sri Damansara melalui aplikasi media sosial (Facebook), cetakan poster dan edaran newsletter. Para sukarelawan yang bertugas di pusat kitar semula ini menjadi tunjang penting kepada pelaksanaan dan kelancaran proses kitar semula yang dijalankan. Mereka turut bekerjasama erat dengan persatuan penduduk dan masyarakat setempat bagi memastikan kejayaan program dan kelestarian komuniti berterusan.



PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA

SUSTAINABLE COMMUNITY

4

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN

2009/2010 – Johan Anugerah Komuniti Mampan Petaling Jaya

2012 – Tempat Ketiga Pertandingan Kawasan Kejiranan Terbaik
Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya

2019 – Saguhati Petaling Jaya Sustainable Community Awards (PJSCA)

PJ Seed 2019 & PJ Seed 2020 - Kelulusan Geran Komuniti Untuk
Petaling Jaya Mampan.

2020 Naib Johan – Petaling Jaya Sustainable Community Award
(PJSCA)



PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA


SUSTAINABLE COMMUNITY

5

PENJIMATAN KOS

Pengurangan Kos Pelupusan Sampah MBPJ

- Secara purata, isipadu sisa yang dikitar semula telah meningkat kepada 120 metrik tan setahun bagi tempoh 2018-2019. Tren ini dianggarkan terus konsisten bagi tempoh 2 tahun yang lepas.
- Dengan peningkatan tren kitar semula di BSD ini, ianya telah berjaya mengurangkan jumlah isipadu sisa pepejal sebenar yang perlu diuruselia oleh pihak kontraktor MBPJ. Isipadu sisa pepejal yang berkurangan ini telah menjimatkan penggunaan ruang di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal dan Operasi Penggunaan Incenerator. Secara langsung ianya mendatangkan penjimatan kepada Kos Pengurusan dan Penyelenggaraan MBPJ.





PERSATUAN PENDUDUK BANDAR SRI DAMANSARA

SUSTAINABLE COMMUNITY

6

IMPAK PROGRAM

ALAM SEKITAR

1. Memperbaiki Kualiti Persekitaran Mampan
 - Mengurangkan sisa
 - Mengurangkan pelepasan gas (rumah hijau) ke ruang atmosfera
 - Mengurangkan penggunaan tenaga dan sumber bahan asli
 - Mengurangkan pencemaran air dan udara.

KOMUNITI

1. Meningkatkan semangat kerjasama di kalangan masyarakat
 - Aspek ini menyemarakkan gaya hidup sihat di kalangan penduduk melalui silaturrahim dan saling membantu di antara mereka ke arah satu matlamat bersama iaitu bagi mencapai persekitaran kehidupan yang mampan.
2. Memperbaiki kesejahteraan sosial
 - Memupuk sikap dan budaya yang sihat di dalam masyarakat
 - Memupuk semangat ukhuwah di kalangan penduduk.

EKONOMI

1. Mengurangkan kos pelupusan sisa
 - Tren Peningkatan kitar semula telah berjaya mengurangkan jumlah isipadu sisa pepejal yang perlu dipungut dan dihantar ke tapak pelupusan dan incinerators; bermakna penjimatan kos telah berlaku dan berfaedah kepada pihak MBPJ selaku Pihak Berkuasa Tempatan
 - Menyokong pertumbuhan ekonomi tempatan melalui kewujudan peluang-peluang pekerjaan dalam aktiviti dan operasi kitar semula ini.

PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL

SUSTAINABLE COMMUNITY

1

PENGENALAN

Persatuan Penduduk SS20 Zon Sentral terletak di Damansara Utama yang merupakan “Urban enclave”, dikelilingi laluan utama yang sibuk, sekolah, hospital swasta dan juga kawasan komersil. Ia merupakan kawasan perumahan jenis teres 2 tingkat yang meliputi 243 buah rumah.

MISI PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL

Untuk membina sebuah kejiranan yang selamat dan terlindung; yang kepelbagaian masyarakatnya dapat menikmati suasana persekitaran hijau, menarik, nyaman dan selesa berbekalkan semangat kejiranan yang tinggi.

Untuk Menjadi “MODEL NEIGHBOURHOOD”



PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL


SUSTAINABLE COMMUNITY

2

ISU TERDAHULU

1. Sisa dapur dan sisa taman yang berlebihan/tinggi.
2. Keinginan untuk menyediakan lampu solar bagi laluan pejalan kaki di kawasan yang tidak disediakan oleh pihak TNB
3. Keinginan untuk membaikpulih kemudahan padang, laluan pejalan kaki dan bangku tempat duduk.





PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL

SUSTAINABLE COMMUNITY

3

PELAN TINDAKAN

1. PROJEK 1 - Sisa Taman Kompos Berulang Menggunakan Solar

- Kaedah kompos sisa taman mengambil masa lebih kurang 6 bulan untuk matang, dan menggunakan tenaga kerja secara manual untuk diproses kepada kompos.

IMPAK:

- Mengurangkan sisa taman yang dihantar ke tapak pelupusan sisa pepejal
- Menjimatkan tempoh masa sisa menjadi kompos
- Menghasilkan kompos organik untuk digunapakai
- Melengkapkan konsep habitat mampan kejiranan
- Inovasi penggunaan tenaga solar

2. PROJEK 2 – Penggunaan Tenaga Solar Untuk Bekalan Elektrik di Pintu Masuk Kejiranan SS20

- Membekalkan tenaga elektrik berasaskan solar untuk kegunaan Pos Keselamatan, CCTV, Lampu LED dsb selama 24 jam sehari.

IMPAK:

- Tidak lagi bergantung kepada hasil tenaga daripada sumber pembakaran.
- Mendidik penduduk setempat kepentingan tenaga gunabali.
- Menjadi sebuah komuniti rujukan dalam usaha penggunaan tenaga solar.

3. PROJEK 3- Menaiktaraf Padang, Laluan Pejalan Kaki dan Bangku

- Meningkatkan kemudahan di padang SS20 melalui kerja seni termasuk mempromosi mesej2 motivasi, Kejiranan Hijau dan permainan kanak-kanak.

IMPACT:

- Telah meningkatkan taraf padang di Zon Tengah SS20
- Sentiasa menjadi peringatan bagi pembentukan komuniti yang mesra alam, sihat dan penyayang.
- Meningkatkan dan menggalakkan keluarga untuk meluangkan masa di luar rumah.
- Mengeratkan interaksi di kalangan jiran tetangga.

PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL

SUSTAINABLE COMMUNITY

4

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN

- Anugerah Sustainable Community Award: Inisiatif Habitat (2016)
- Anugerah Sustainable Community Award: Kategori Persatuan Penduduk / Rukun Tetangga Tempat Ke-4 (2017)
- PJ Sustainable Community Award: SDG Champion 12 : Responsible Consumption & Production (2019)



PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL

SUSTAINABLE COMMUNITY

5

PENJIMATAN KOS

1. Kitar semula minyak masak terpakai yang mendatangkan pulangan hasil jualan.
2. Sisa kompos dari dapur sebagai baja organik dan menyuburkan tanah.
3. Penjimatan Air melalui projek penggunaan bidal dalam Water Thimbles Conservation Project.
4. Kitar semula barangan elektrik terpakai.
5. Kebun Kejiranan yang membuahkan hasil pendapatan.

Persatuan Penduduk SS20 Zon Sentral

Recycling Used Cooking Oil

- collected and sold to MBPJ for recycling to biodiesel approximately once in 4 months
- sold for RM0.80 per kg

Period	Amount Collected (kg)	Sales (RM)
Aug 2017 – Nov 2017	35	28.00
Dec 2017 – Feb 2018	32	25.60
March 2018 – June 2018	35	28.00
July 2018 – Oct 2018	33	26.40
Nov 2018 – Feb 2019	36	28.80
Mar 2019 – June 2019	33	26.40
July 2019 – Oct 2019	34	27.20
Nov 2019 – Feb 2020	35	28.00
Mar 2020 – June 2020	33	26.40
July 2020 – Oct 2020	34	27.20
Nov 2020 – Feb 2021	34	27.20
Mar 2021 –		
Total	374	299.20



PERSATUAN PENDUDUK SS20 ZON SENTRAL

SUSTAINABLE COMMUNITY

6

IMPAK PROGRAM

ALAM SEKITAR

- Mewujudkan persekitaran yang hijau, cantik dan mampan serta habitat yang selesa untuk didiami.
- Menjimatkan penggunaan tenaga dan air.

KOMUNITI

- Meningkatkan penyertaan dalam program komuniti.
- Mengeratkan kerjasama antara Pejabat ADUN, MBPJ, NGO dan Agensi.
- Perkongisan maklumat dan informasi di kalangan pihak yang terlibat.
- Memupuk semangat kejiranan yang membentuk masyarakat yang harmoni.

EKONOMI

- Kitar semula minyak masak terpakai yang mendatangkan pulangan hasil jualan.
- Sisa kompos dari dapur sebagai baja organik dan menyuburkan tanah.
- Penjimatan air melalui projek penggunaan bidal dalam “Water Thimbles Conservation Project”.
- Kitar semula barangan elektrik terpakai.
- Kebun Kejiranan yang membuahkan hasil pendapatan.

PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY


1

Pengenalan

Program dilaksanakan oleh Biro Alam Sekitar, Persatuan Penduduk Blok 3 ini terbahagi kepada tanaman pokok buah-buahan dan juga sayuran termasuk herba selain dari Projek SPAH, pengindahan semula sungai dan juga .

Tapak kebun turut menjadi lokasi berkelah dan mengeratkan silaturrahim tanpa mengira bangsa, kaum, agama dan usia.

Terletak di PJS 5/2, Petaling Jaya juga telah menerima pelbagai anugerah 'Sustainable Community' dari MBPJ dan juga lain-lain agensi sebelum ini.



PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY

2

ISU TERDAHULU

1. Isu pembuangan minyak masak ke dalam sinki
2. Buangan sisa makanan yang berlebihan
3. Buangan barangan yang boleh dikitar semula seperti kertas, plastik, botol kaca serta tin aluminium.
4. Penjimatan penggunaan air bagi tujuan pengairan kebun komuniti.
5. Pengindahan kawasan kejiranan.





PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY

3

PELAN TINDAKAN

1. **Program Bumi Hijau dan Alam Sekitar**
 - Aktiviti memelihara dan memulihara keindahan dan kebersihan sungai melalui pelaksanaan aktiviti pembersihan sungai bersama pihak NGO.
 - Aktiviti penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman herba bagi menjana pendapatan komuniti.
 - Aktiviti pengkomposan sisa buangan dapur untuk dijadikan baja kompos.
2. **Simpanan Pengumpulan Air Hujan (SPAH)**
 - Simpanan Pengumpulan Air Hujan (SPAH) dijadikan salah satu alternatif bagi membekal sumber air bagi kegunaan isi rumah, komersial, lanskap & pengairan kawasan tanaman di kebun komuniti.
3. **Program Kitar Semula Minyak Masak**
4. **Projek Bumi Hijau Dan Cintai Sungai Kita**

PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY

4

PENCAPAIAN & PENGIKTIRAFAN

- Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2009 / 2010
- Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2010 / 2011
- Anugerah Inisiatif Kejiranan Hijau, Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2011/ 2012
- Naib Johan Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya 2013
- Tempat Ketiga Pertandingan Komuniti Sejahtera bagi Pangsapuri Kos Rendah Petaling Jaya 2013
- Anugerah Sustainable Community Award 2016 – Inisiatif Alam Sekitar
- Tempat Kedua Kategori Sungai Angkat 2017
- Anugerah Sustainable Community Award 2017 – Kategori Terbuka
- Naib Juara Kategori Sungai Angkat 2018
- Anugerah Kejiranan Hijau Komuniti Perumahan Bertingkat 2019 (tempat kedua)
- Anugerah PJ Sustainable Community Award : SDG Champion 1 : No Poverty (2019)
- Anugerah PJ Sustainable Community Award 2020 : Special Mention



PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY

5

PENJIMATAN KOS

Penjimatan Air

Dengan penyimpanan yang mencukupi dan penapisan yang cekap, SPAH juga boleh membekalkan air untuk pengairan taman dan pencucian am.

Dalam hartanah yang dilengkapi dengan SPAH, pemilik rumah secara realistik boleh berharap untuk menjimatkan antara 40% dan 50% pada bil air mereka.

Rata-rata penduduk telah menjimatkan kira-kira RM20.00 sebulan semenjak pemasangan SPAH. Bil bulanan sekarang adalah antara RM36.00 (minima) dan RM50.00 berbanding dengan lebih kurang RM60.00 sebulan dahulu.

Air Selangor

INVOIS

BIL AIR

No. Akaun : 6827390000 (Baharu)
2000472991017 (Lama)
No. Invois : 97010021
No. Meter : SYA13P0373026
Cagaran : RM 500.00
Kod Tarif : 11 Industri
Wilayah : Petaling
Tarikh : 07/05/2021

Bill Code : 4206
Ref: 1: 6827399006


ALAMAT PREMIS:
DAMANSARA JAYA RESIDENTS & OWNERS
ASSOC. 7A JALAN SS 22/39 47406
PETALING JAYA
47400
SELANGOR

RINGKASAN BIL

aki Terdahulu	RM 45.55
Bayaran Sehingga Kini	RM 0.00
Baki Belum Dijelaskan	RM 45.55
Bil Semasa (Bayar Sebelum 07/06/2021)	RM 36.00
Jumlah Perlu Dibayar	RM 81.55

BUTIRAN BIL

**KINI ANDA BOLEH TERIMA
BIL AIR MELALUI
EMEL ATAU WHATSAPP**



PERSATUAN PENDUDUK BLOK 3 DESA MENTARI

SUSTAINABLE COMMUNITY

6

IMPAK PROGRAM

ALAM SEKITAR


- Pengurangan pencemaran sungai melalui aktiviti pembersihan sungai.
- Hidupan air dan darat tidak terancam dari hasil berkebun dipinggir sungai.
- Mengelakkan kepupusan pokok-pokok yang telah tercemar dan komuniti dapat mengenal lebih dekat lagi jenis-jenis tanaman dan tumbuh-tumbuhan.
- Menanam rasa tanggungjawab dikalangan masyarakat untuk bertindak dan mengambil bahagian dalam menjaga alam sekitar.
- Mewujudkan persekitaran yang indah dan kondusif dengan Ekosistem yang stabil

EKONOMI

- Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAHH) yang dikumpul dapat digunakan bagi tujuan penyiraman pokok di kebun komuniti.
- Hasil tanaman di kebun seperti sayur-sayuran, buah-buahan dan tanaman herba dijual bagi menghasilkan pendapatan sampingan kepada penduduk setempat.
- Hasil buangan sisa dapur dapat dijadikan baja kompos seterusnya menjana pendapatan komuniti.
- Minyak masak yang telah digunakan boleh dikitar semula menjadi minyak bio-diesel, sabun dan lilin.

KOMUNITI

- Mengeratkan hubungan diantara penduduk setempat.
- Memupuk semangat sukarelawan dengan pelaksanaan aktiviti tanaman kebun mengikut jadual.



ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN

SUSTAINABLE COMMUNITY





PENUTUP

SUSTAINABLE COMMUNITY

Masyarakat Petaling Jaya berbilang kaum dan terdiri daripada golongan berpelajaran dan status ekonomi yang tinggi membentuk suatu masyarakat yang matang dan berpengetahuan di dalam aspek pembangunan mampan dan penjagaan alam sekitar.

Pelbagai program telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya bagi menjadikan masyarakatnya sebuah komuniti yang mampan yang akhirnya memberikan faedah kepada penduduknya sendiri.

Blueprint Petaling Jaya Pintar, Mampan dan Berdayatahan 2030 telah mengenalpasti Visi, Misi dan Nilai Bandaraya Petaling Jaya menjelang tahun 2030. Blueprint ini turut menggariskan Matlamat, Petunjuk dan Sasaran serta Strategi Pembangunan selama 10 tahun ke hadapan.

Matlamat - Mendefinisikan halatuju yang akan dilakukan di Kawasan Bandaraya Petaling Jaya di samping perubahan nilai di kalangan masyarakat dan pentadbir Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Petunjuk dan Sasaran - Mengenal pasti keadaan atau perubahan yang diperlukan untuk mencapai setiap hasil.

Strategi - Menentukan tindakan, kaedah atau rancangan untuk mewujudkan keadaan masa depan yang diinginkan.

Gabungan ketiga-tiga elemen-elemen di atas akan menjelaskan halatuju Bandaraya dan peranan yang perlu dimainkan oleh pihak berkepentingan dan memandu Majlis Bandaraya Petaling Jaya sebagai pentadbir dan pengurus Bandaraya Petaling Jaya.